

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 FEBRUARI 2019

SABTU



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S


HARIAN METRO

'KAMI HARGAI KERJASAMA SEPERTI INI'

2



# HARIAN METRO



## 'Kami hargai kerjasama seperti ini'

**Pasir Gudang:** Lebih 60 peniaga pasar malam menyambut baik usaha pengurusan pasar raya Mydin, Taman Rinting, Seri Alam, yang membuka peluang rezeki kepada usahawan kecil menambah pendapatan.

Pengerusi Persatuan Usahawan Melayu Johor Bahru, Khairi Ahmad berkata, pembukaan pasar malam setiap Khamis bermula jam 3 petang hingga 10 malam itu mendapat sambutan memberangsangkan daripada pengunjung pasar raya itu.

Katanya, kadar sewa tapak yang berpatutan RM30 memberi ruang kepada peniaga sepertinya menam-

bah pendapatan.

"Kami bersyukur kerana sepanjang tempoh enam bulan beroperasi, hasil pendapatan peniaga bertambah, selain ia dapat meningkatkan jualan pasar raya terbabit setiap hari Khamis.

"Kami hargai kerjasama seperti ini, bahkan mengharapkan pasar raya besar seperti itu turut menawarkan sewaan tapak pada harga murah dan berpatutan," katanya.

Katanya, penganjuran pasar malam seperti itu wajar diikuti pihak lain, lebih-lebih lagi pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak lagi meluluskan permohonan baru bermula tahun ini.

